

25 OCT 2002

Sukan-Malik (Renang)/I

ABDUL MALIK SIAP HARUNGI PERAIRAN MERSING DALAM MENGEJAR IMPIAN

Oleh: Zuhilmi Supaat

MERSING, 25 Okt (Bernama) -- Abdul Malik Mydin, yang bercita-cita untuk menjadi perenang pertama dari Asia Tenggara untuk berenang merentasi Selat Inggeris akan mengambil langkah pertama dengan berenang mengharungi arus air selaju 1.5 knot ataupun tiga kilometer (km) sejam di perairan Mersing esok.

Abdul Malik, 27, akan mula berenang pada 6.30 pagi dari Pulau Besar bagi jarak sejauh 15km dan dijangka sampai di pantai Mersing pada tengah hari.

"Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menasihatkan saya supaya tidak berenang esok kerana arus agak kuat. Tetapi saya memerlukan cabaran sebelum menghadapi suasana sebenar di Selat Inggeris," kata beliau kepada pemberita selepas sesi latihan beliau di sekitar perairan Mersing, di sini, hari ini.

Semasa sesi latihan hari ini, Abdul Malik berenang selama setengah jam untuk membiasakan diri dengan suhu air yang sejuk di Mersing. Beliau menjangkakan arus bawah laut di Selat Inggeris mencapai dua hingga tiga knot ataupun empat hingga lima km sejam pada minggu kedua Ogos tahun depan, iaitu semasa beliau mencuba menjayakan impian beliau itu.

Abdul Malik di bawah naungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah menjadualkan renang maraton beliau pada musim panas 2003. Beliau akan merentasi jarak 34km antara England dan Perancis dalam tempoh lebih kurang 10 jam.

"Saya perlu bersiap sedia sebelum melintasi Selat Inggeris daripada Shakespeare Beach di Dover, England ke Cap Gris Nez, Calais di Perancis di minggu kedua Ogos tahun depan," katanya.

Bagaimanapun, Abdul Malik mengakui beliau masih belum bersiap sedia sepenuhnya untuk percubaan esok memandangkan masih belum pulih sepenuhnya daripada kecederaan di bahu semasa pertandingan renang sejauh 26km di Tasik Zurich, Switzerland, Ogos lepas.

"Tetapi ini (kecederaan) tidak akan menghalang saya daripada berenang esok dan saya berharap dapat mencatatkan masa bawah enam jam bagi jarak sejauh 15km," katanya.

Abdul Malik berkata, beliau akan meneruskan dengan latihannya semasa Ramadan di Pusat Akuatik Negara di Bukit Jalil.

"Saya telah merancang untuk berenang selepas sembahyang Tarawikh, lebih kurang dari pukul 10 malam hingga pagi," kata Abdul Malik yang akan ke China selepas Hari Raya.

Abdul Malik berkata beliau ke China untuk berlatih selama sebulan di China untuk membiasakan diri dengan cuaca sejuk, di satu tempat berhampiran Beijing.

April lepas, Abdul Malik berenang merentasi selat Pulau Pinang daripada jeti jabatan Marin di Batu Uban ke Pulau Jerejak, menempuh jarak 12 km.

Pada Mac depan, Abdul Malik akan menghadapi cabaran lebih hebat iaitu berenang sejauh 48 km daripada Kuala Perlis kepada Pulau Langkawi.

-- BERNAMA

ZAS MFJ PR